

UniMAP JUARA SULUNG KEJOHANAN WOODBAL PIALA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA

KANGAR, 1 Disember – Pasukan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) muncul sebagai juara sulung Kejohanan Woodball bagi merebut Piala Tuanku Syed Faizuddin Putra 2017. Dengan kejayaan ini, pasukan UniMAP berjaya membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000, medal, piala pusingan dan sijil. Naib johan pula disandang oleh pasukan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Perlis yang menerima wang tunai RM1,000, medal dan sijil. Pasukan Pejabat Duli Yang Mulia (DYMM) Tuanku Raja Perlis dan Majlis Perbandaran Kangar (MPK) pula berkongsi di tempat ketiga di mana masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM500 dan sijil.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail selaku Penaung DiRaja Persatuan Woodball Perlis (PWPs) dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil berkenan menyampaikan hadiah kepada pemenang di Arena Futsal, Jabatan Belia dan Sukan Perlis. Kejohanan anjuran PWPs ini telah diadakan secara liga yang berlangsung selama tujuh bulan setengah dengan penyertaan 800 orang daripada 42 jabatan kerajaan dan persekutuan di negeri ini. Setiap pasukan mendaftarkan 20 pemain lelaki dan wanita.

Kejohanan ini adalah sebahagian daripada persiapan Perlis bagi memantapkan pemain, kemudahan tempat perlawanan dan kualiti padang serta pengurusan kerana bakal menjadi tuan rumah Kejohanan Woodball Dunia 2020.

